



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 07 April 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Harga ayam segar di Johor Bahru RM11 sekilogram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	19

Harga ayam segar di Johor Bahru RM11 sekilogram

Pengguna had belian, peniaga pula tersepit

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Harga ayam segar di bandar raya ini dikesan melepasi harga siling, iaitu RM11 sekilogram (kg) sejak lebih sebulan lalu. Tinjauan di beberapa pasar basah utama di Pandan, Kempas dan Skudai semalam, mendapati hampir kebanyakan peniaga ayam segar menjual hasil ternakan itu melebihi harga siling RM9.40 ditetapkan.

Peniaga meletakkan tanda harga RM9.40 bagi setiap kilogram

ayam segar yang dijual, namun disertakan notis kecil caj RM1.60 dikenakan yang dirujuk mereka bayaran bagi khidmat pemotongan serta kos plastik.

Pengguna yang mahu dikenali sebagai Shamsiah, 49, berkata dia tiada pilihan dan terpaksa membeli ayam segar, walaupun terbeban dengan harganya yang mahal.

Berikutan itu, katanya, dia terpaksa menghadkan pembelian ayam segar kepada hanya dua ekor seminggu berbanding empat atau lima sebelum ini.

"Memang ramai terbeban bila harga bahan mentah utama melonjak RM11 sekilogram berbanding hanya antara RM8 hingga RM9.90, akhir tahun lalu. Ramai pengguna, termasuk saya sering merungut kepada penjual, jika harga ayam terus mahal, sudah pasti tidak ramai dapat beli sepe-

ti sebelum ini.

"Di pasar raya besar, memang ayam segar dijual pada harga siling, namun jumlahnya tidak banyak dan sering habis awal, jadi pengguna, termasuk saya terpaksa ke pasar basah juga. Tentu ramai akan lebih terbeban menjelang Aidilfitri ini kerana ayam antara juadah utama hari raya," katanya.

Peniaga tersenai
Ahad lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata peniaga dilihat masih mematuhi harga siling ayam bulat pada kadar RM9.40kg sejak 1 Ramadan atau 23 Mac lalu dan berharap harga berkenaan kekal dipatuhi sehingga Syawal nanti.

Seorang peniaga ayam segar di sini, Hafizul Mohamad, 41, berka-



Tinjauan harga ayam di pasar basah mendapati peniaga mengenakan caj RM1.60 untuk khidmat pemotongan di Pandan, Johor Bahru, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

ta mereka terus tersepit apabila pembekal meletakkan harga ayam segar pada harga RM9.10 hingga RM9.30kg, sekali gus mustahil mampu menjualnya pada harga siling RM9.40.

"Sampai (harga ayam segar ke peringkat peruncit) pun sudah RM9.10 hingga RM9.30kg, jadi bagaimana peniaga nak jual pada harga siling RM9.40 seperti ditetapkan kerajaan.

"Pengguna memang sering merungut, ada yang marah apabila harga ayam jadi RM11 setiap kilogram kerana peniaga terpaksa letak caj perkhidmatan sebanyak RM1.60 setiap kilogram. Jika tidak kenakan caj itu, sudah pasti ramai peniaga ayam akan

gulgung tikar.

"Harga ayam daripada pembekal memanglah RM8.10 setiap kilogram, namun pembekal mengenakan caj pengangkutan RM1 bagi setiap kilogram, menjadikan harganya RM9.10. Bagaimanapun, ia mengikut lokasi kerana ada lokasi tertentu, harga pembekal jadi RM9.30 setiap kilogram.

"Saya sarankan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) supaya memberi laporan jujur kepada menteri, apa yang berlaku membabitkan harga ayam pada peringkat pembekal. Jika tidak, sudah pasti isu harga ayam mahal ini tidak akan pernah selesai," katanya.

Tawar ganjaran maklumat kes 29 anjing mati diracun

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	24

Tawar ganjaran maklumat kes 29 anjing mati diracun



Pegawai MBPP bersama IAPWA Pulau Pinang meninjau kawasan perumahan Island Glades susulan kes 29 anjing mati dipercayai termakan makanan yang ditabur dengan racun oleh individu tidak bertanggungjawab. (Foto ihsan MBPP)

Georgetown: Sebanyak 29 anjing mati di kawasan perumahan Island Glades, di sini dipercayai termakan makanan yang ditabur dengan racun oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), dalam hantaran di Facebook berkata pihaknya memandang serius isu itu dan akan mengambil tindakan tegas terhadap perbuatan kejam dan tidak berperikemanusiaan pelaku terbahit yang menyebabkan kematian haiwan itu.

Katanya, susulan itu Ahli Majlis MBPP bersama pegawai sudah turun padang menemui penduduk sekitar kawasan itu semalam bagi mendapat gambaran keadaan sebenar yang berlaku terhadap anjing berkenaan.

"Bagi membantu siasatan, MBPP akan beri khidmat sokon-

gan serta kerjasama penuh mengesan dan menyalurkan maklumat kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang sehingga si pelaku berjaya didakwa berpandukan undang-undang.

"Sebagai langkah pencegahan supaya perbuatan itu tidak berulang, MBPP sudah mengenal pasti beberapa lokasi strategik bagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) untuk memantau gerak geri individu yang mencurigakan," katanya, semalam.

Jika disabitkan kesalahan, terdapat Akta 772 yang memperuntukkan beberapa seksyen khusus bagi kesalahan iaitu Seksyen 29 bagi penganiayaan haiwan, Seksyen 30 (pembunuhan haiwan) dan Seksyen 31 (pemberian racun), boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 dan penjara hingga tiga tahun atau kedua-

duanya sekali.

Menurut kenyataan itu lagi, Pengurus International Aid for the Protection and Welfare of Animals (IAPWA) Pulau Pinang, Choong Koon Yean, turut mengemukakan ganjaran sebanyak RM5,000 kepada mana-mana individu yang tampil menyalurkan maklumat tepat berhubung insiden itu bagi tindakan undang-undang.

"Orang awam boleh menyalurkan maklumat atau aduan berhubung tindakan kejam dan penganiayaan terhadap haiwan, termasuk anjing atau kucing di seluruh kawasan bahagian pulau negeri ini menerusi saluran aduan rasmi MBPP," katanya.

Saluran rasmi itu ialah Hotline MBPP 04-263 7000 dan menerusi Aplikasi Whatsapp Aduan MBPP di talian 016-200 4062.

'Isu bekalan telur tak selesai, kerajaan lambat bertindak'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Online	



KUALA LUMPUR - Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) mengkritik kerajaan kerana masih tidak dapat menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur ayam dalam negara.

Presidennya, Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai berkata, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Chan Foong Hin berkali-kali menegaskan Malaysia tidak mengalami kekurangan bekalan namun hakikat sebaliknya.

Menurut Dominic, dalam sesi soal jawab di Parlimen lalu, MAFS mendakwa Malaysia tidak mengalami kekurangan bekalan telur, jadi peningkatan pengeluaran bekalan telur melalui Program Agropreneur Muda seperti didakwa adalah tidak wujud.

"Malah, media tempatan sebelum ini melaporkan, empat daerah di Pahang, Jerantut, Bandar Tun Razak, Jengka, Temerloh dan Maran mengalami isu kekurangan bekalan telur sejak awal Ramadan.

"Jika kerajaan tidak boleh menangani masalah ini dengan berkesan, bagaimanakah kerajaan mahu menyelesaikan masalah yang lebih serius?

"Tindakan daripada kerajaan sangat lambat, ia telah menimbulkan keraguan terhadap keupayaan kerajaan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau menambah kerajaan harus mengambil langkah lebih proaktif untuk meningkatkan pengeluaran dan bukanlah hanya menafikan perkara tersebut kerana import telur dari India hanya satu jalan penyelesaian jangka pendek.

"Sepatutnya kerajaan bekerjasama dengan penternak ladang ayam dan melabur lebih banyak dana untuk meningkatkan produktiviti pertanian serta tahap kemahiran penternak.

"Selain itu, kerajaan juga harus mengurangkan seliaan dan sekatan ke atas pertanian dan penternakan ayam, untuk merangsang inovasi dan daya saing petani dan penternakan ayam" tegasnya.